

## **DANA PEMFAILAN HARTA INTELEK (DANA IP 2.0)**

### **PENGENALAN**

Program Dana Pemfailan Harta Intelek (Dana IP 2.0) tahun 2023 adalah geran pembiayaan pemfailan harta intelek yang disediakan oleh Kerajaan. Geran ini ditawarkan kepada Warganegara Malaysia yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Dana IP 2.0 ini bertujuan untuk menggalakkan inovasi dan menggalakkan pemfailan harta Intelek di kalangan rakyat Malaysia. Selain itu, dana ini juga bertujuan untuk meningkatkan daya saing usahawan tempatan dengan memberikan perlindungan harta intelek seterusnya merangsangkan ekonomi negara.

### **TARIKH PERMOHONAN**

Permohonan Dana IP 2.0 ini dibuka bermula dari **Januari 2023 sehingga 31 Oktober 2023**.

### **KRITERIA PERMOHONAN**

Pemohon mestilah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

1. Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas
2. Terbuka kepada:
  - Individu;
  - Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) / Syarikat Milikan Tunggal / Perkongsian;
  - Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Agensi / Kementerian;
  - Komuniti Setempat / Tempatan (bagi Petunjuk Geografi);
  - Pelajar Kolej / Institusi Kemahiran / Politeknik / Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dan setaraf; dan
  - Pelajar Sekolah Rendah / Menengah (Permohonan adalah di bawah nama pihak sekolah)
3. Pemohon hanya layak memohon SATU dana sahaja dalam setahun kalender untuk permohonan pemfailan bagi salah satu komponen Harta Intelek berikut:
  - Cap Dagangan;
  - Paten;
  - Reka Bentuk Perindustrian;
  - Hakcipta; dan
  - Petunjuk Geografi (komuniti setempat/tempatan sahaja).

## **SKOP PEMBIAYAAN**

1. Pembiayaan Dana IP 2.0 tahun 2023 adalah merangkumi pembiayaan berikut:
  - i. Fi rasmi pemfailan harta intelek kepada MyIPO; dan
  - ii. Kos carian dan penderaan oleh ejen paten yang berdaftar di bawah program Dana Pemfailan Harta Intelek (Ejen Paten Dana IP 2.0) (bagi permohonan paten / perbaharuan utiliti (UI))
2. Dana akan diberikan kepada pemohon yang berjaya dalam bentuk baucer. Baucer yang diberikan tidak boleh dipindahmilik.

<b>Jenis Harta Intelek</b>	<b>Pembiayaan</b>
Cap Dagangan	<b>Borang TMA1</b> – Borang permohonan dan carian awal
	<b>Borang TMA2</b> – Borang permohonan pendaftaran cap dagangan
	<b>Borang TMA4</b> – Permohonan pemeriksaan substantif dipercepatkan
	Fi pengimbasan
Paten / Perbaharuan Utiliti (UI)	<b>Borang 1</b> – Borang permohonan paten; atau <b>Borang 14</b> Permohonan bagi pemberian sijil perbaharuan utiliti
	<b>Borang 5</b> – Borang permintaan bagi pemeriksaan substantif
	<b>Borang 17</b> – Borang pelantikan ejen paten
	<b>Borang 22</b> – Borang penyataan justifikasi hak pemohon ke atas paten / perakuan
	Kos perkhidmatan ejen paten bagi menjalankan carian paten ( <i>prior art search</i> )
	Kos perkhidmatan ejen paten bagi penderaan spesifikasi paten dan kos melengkapkan borang-borang berkaitan pemfailan paten
Reka Bentuk Perindustrian	<b>Borang ID 1</b> – Borang permohonan reka bentuk perindustrian & (sudut pandangan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Dana Harta Intelek)
	<b>Borang ID 9</b> – Borang permintaan pindaan permohonan bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian
	Carian Awam
Hak Cipta	<b>Borang CR 1</b> – Borang Pemberitahuan hak cipta dalam sesuatu karya
Petunjuk Geografi	<b>Borang GIA1</b> – Borang permohonan bagi pendaftaran suatu petunjuk geografi
	<b>Borang GIA7</b> – Iklan bagi pendaftaran

## **MAKLUMAT SEBELUM MENGISI BORANG**

1. Sebelum mengisi permohonan Dana IP 2.0 tahun 2023, sila pastikan anda menyediakan dan melengkapkan semua dokumen seperti yang diperlukan dibawah.
2. Permohonan dalam talian dikehendaki memuat naik dokumen mengikut format yang betul iaitu DOC/PDF/JPEG/PNG.
3. Maklumat yang diperlukan mengikut komponen yang ingin dimohon adalah:
  - i. Permohonan Paten
    - a) Maklumat pereka cipta sekiranya melebihi daripada SATU (1) orang;
    - b) Rajah, tatacara atau lukisan yang boleh membantu untuk memahami cara penggunaan reka cipta ini (jika ada);
    - c) Maklumat tambahan/ dokumen sokongan seperti feature table; literature search (jika ada).
  - ii. Permohonan Cap Dagangan
    - a) Maklumat pemohon sekiranya melebihi daripada SATU (1) orang;
    - b) Gambar logo/ cap dagangan yang jelas untuk didaftarkan;
    - c) Borang TMA1 (Borang Pendapat Dan Carian Awal);
    - d) Dokumen Sijil Pendaftaran Syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (jika ada) yang masih aktif.
  - iii. Permohonan Reka Bentuk Perindustrian
    - a) Maklumat pemohon sekiranya melebihi daripada SATU (1) orang;
    - b) Gambar reka bentuk yang ingin didaftarkan (Pandangan perspektif/ hadapan/ belakang/ pandangan sisi/ atas/ bawah. Sekurang-kurangnya SATU (1) pandangan);
    - c) Dokumen Sijil Pendaftaran Syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (jika ada) yang masih aktif.
  - iv. Permohonan Hak Cipta
    - a) Maklumat pemohon sekiranya melebihi daripada SATU (1) orang;
    - b) Borang CR-1(Borang Pemberitahuan Hak Cipta Dalam Sesuatu Karya);
    - c) Salinan Karya dalam format softcopy (CD/DVD/pendrive). Saiz karya tidak melebihi 3GB. Salinan karya ini perlu di hantar kepada Urus Setia Dana IP 2.0 dalam masa 3 hari bekerja. Sekiranya pihak Urus Setia tidak menerima salinan karya yang dimohon ini, permohonan anda tidak akan dipertimbangkan.

## **BORANG PERMOHONAN**

Permohonan Dana IP 2.0 tahun 2023 boleh dibuat secara dalam talian atau secara manual (serahan tangan/ pos/ pejabat cawangan MyIPO yang berdekatan).

### **1. PERMOHONAN DALAM TALIAN**

a) Pastikan anda mempunyai akaun Gmail untuk membuat permohonan secara dalam talian.

b) Borang permohonan Dana IP 2.0 tahun 2023 secara dalam talian boleh di dapat melalui pautan berikut: <https://tinyurl.com/DanaIP2bagiTahun2023>

**ATAU**

### **2. PERMOHONAN SECARA MANUAL (SERAHAN TANGAN/ POS/ PEJABAT CAWANGAN MyIPO YANG BERDEKATAN)**

a) Untuk permohonan secara secara manual (serahan tangan/ pos/ Pejabat Cawangan MyIPO yang berdekatan), borang permohonan dana mengikut komponen boleh di muat turun seperti berikut:

#### **i. Cap Dagangan**

Pautan borang dan panduan cara mengisi borang adalah: [https://drive.google.com/drive/folders/1izaSYMoRgIIVBd2uzba8daY6ecN-u-IW?usp=share\\_link](https://drive.google.com/drive/folders/1izaSYMoRgIIVBd2uzba8daY6ecN-u-IW?usp=share_link)

#### **ii. Paten / Perbaharuan Utiliti (UI)**

Pautan borang dan panduan cara mengisi borang adalah: [https://drive.google.com/drive/folders/13dYG7\\_beGngNCVXFN1aK-g012bl2p-Vy?usp=share\\_link](https://drive.google.com/drive/folders/13dYG7_beGngNCVXFN1aK-g012bl2p-Vy?usp=share_link)

#### **iii. Hak Cipta**

Pautan borang dan panduan cara mengisi borang adalah: [https://drive.google.com/drive/folders/1HfxnIE05nn3VLc\\_zq9hiiZm3QFGah2bg?usp=share\\_link](https://drive.google.com/drive/folders/1HfxnIE05nn3VLc_zq9hiiZm3QFGah2bg?usp=share_link)

#### **iv. Reka Bentuk Perindustrian**

Pautan borang dan panduan cara mengisi borang adalah: [https://drive.google.com/drive/folders/1MJUjaVKS-HgUA6aW1hdVrQ12WbD4ili-?usp=share\\_link](https://drive.google.com/drive/folders/1MJUjaVKS-HgUA6aW1hdVrQ12WbD4ili-?usp=share_link)

b) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

#### **Urus Setia Dana Pemfailan Harta Intelek (Dana IP 2.0)**

Bahagian Pembangunan Perniagaan  
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)  
Aras 12, Tower B, Menara UOA Bangsar  
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1  
59000 Kuala Lumpur

Emel: [dana2.0@myipo.gov.my](mailto:dana2.0@myipo.gov.my) atau Pejabat Cawangan MyIPO yang berdekatan

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Dana Pemfailan Harta Intelek (Dana IP 2.0) tahun 2023, sila hubungi kami melalui emel atau pegawai berikut:

Urus Setia Dana Pemfailan Harta Intelek (Dana IP 2.0)  
Bahagian Pembangunan Perniagaan  
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)  
Aras 12, Tower B, Menara UOA Bangsar  
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1  
59000 Kuala Lumpur  
Emel: [dana2.0@myipo.gov.my](mailto:dana2.0@myipo.gov.my)

Pegawai untuk dihubungi:  
En. Azri Roslan – 03-2299 8560  
Pn. Nor Shafiza Md Isa – 03-2299 8589  
Pn. Nur Ain Nabila Rahim – 03-2299 8526